



Headline: Bohong 15 kad kredit
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 11 October 2019

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 37

Bohong 15 kad kredit

*Guru terima panggilan
sindiket tipu rugi RM900,000*

Oleh Mohd Azam Shah
Yaacob
mohdazam@hmetro.com.my

Shah Alam

Akibat bimbang ditahan selepas digertak kerana memiliki 15 kad kredit, seorang guru wanita menjadi mangsa terbaru sindiket penipuan Macau Scam sehingga kerugian hampir RM900,000.

Kerugian itu membabitkan wang simpanannya berjumlah RM200,000, manakala bakinya adalah pinjaman yang dibuat mangsa daripada lima buah bank.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor Asisten Komisyoner Fazlisyam Abd Majid berkata, kejadian bermula pertengahan Ogos lalu apabila mangsa, 50-an, menerima panggilan daripada ahli sindiket itu yang menyamar sebagai kakitangan Pos Laju.

Katanya, ahli sindiket itu memaklumkan sebuah bungkusan dikirim atas nama mangsa terpaksa ditahan apabila didapati mengandungi 15 keping kad kredit didaftarkan atas namanya.

"Suspek memaklumkan ia satu kesalahan, sekali gus menjadi kes polis sebelum

memindahkan panggilan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah bagi membolehkan mangsa mendapatkan maklumat lanjut.

"Sebaik panggilan itu dihubungkan, mangsa kemudian bercakap dengan seorang individu yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis dan mangsa ditakutkan akan ditahan serta dipenjara jika tidak memberi kerjasama," katanya.

Beliau berkata, kerana bimbang ditahan polis, mangsa kemudian akur dengan arahan diberikan oleh suspek termasuk membuat pinjaman bank seperti diarahkan.

Katanya, mangsa membuat pinjaman hampir RM700,000 dengan lima bank sebelum membuat pindahan wang menerusi kaunter, mesin deposit tunai (CDM) dan menerusi perbankan dalam talian (online).

"Mangsa juga diarahkan supaya tidak berkongsi mengenai perkara itu dengan sesiapa sehingga siasatan selesai.

"Termakan dengan kata-kata ahli sindiket itu, mangsa memindahkan kesemua wang yang dipinjam termasuk wang simpanan RM200,000 ke lapan akaun berbeza secara berperingkat dan terakhir pada 2 Oktober lalu," katanya.

